

15/04/2000

Majalah Britain puji usaha Dr M

Azizi Othman in London

LONDON, Jumaat - Strategi pemulihan ekonomi Malaysia yang dilaksanakan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mendapat pujian sebuah majalah terkemuka Britain dan disifatkan sebagai satu tamparan hebat kepada Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF).

Pengarang Tamu 'The Spectator', Justin Marozzi, dalam terbitan 18 Mac majalah itu, berkata pendekatan tersendiri Perdana Menteri dalam menangani masalah kegawatan ekonomi Malaysia terbukti berkesan, walaupun pada awalnya dipertikaikan hampir semua pihak.

Dalam rencana khasnya bertajuk "Timur Mengatasi Barat", Marozzi berkata, kejayaan Dr Mahathir menyelamatkan Malaysia daripada belenggu kegawatan membuktikan bagaimana pemimpin itu dapat mendedahkan kepada dunia mengenai kebodohan IMF.

Dalam rencana itu, beliau juga menyebut Dr Mahathir perlu diberi perhatian kerana ketika satu demi satu negara Asia termasuk Korea Selatan, Thailand, Filipina dan Indonesia akur kepada 'regim IMF yang menakutkan' untuk memulihkan ekonomi negara, Dr Mahathir terus bertahan.

"Enggan tunduk kepada IMF, Dr Mahathir memutuskan untuk berdepan dengan masalah itu walaupun pada mulanya mencetuskan pelbagai masalah dan apabila langkah kawalan kewangan dilaksanakan, hampir semua pakar ekonomi mendakwa ia akan memusnahkan segala-galanya.

"Bagaimanapun, tiada satu pun daripada jangkaan buruk itu berlaku malah kini, selepas tiga tahun, Malaysia sudah hampir pulih ke keadaan asalnya dan bermandi cahaya kejayaan, manakala IMF pula dilanda bahana pelbagai kritikan," katanya.

Marozzi juga berhujah bahawa kejayaan Dr Mahathir memulihkan ekonomi Malaysia tanpa mengikut resipi IMF itu pula kini menghantui institusi dunia berkenaan yang dipertikaikan, bukan saja dari segi dasar yang diamalkan malah perspektif kewujudannya sendiri.

Menurutnya, kejayaan pemulihan ekonomi Malaysia di bawah kepimpinan Dr Mahathir cukup menyerlah dengan penganalisis menjangka Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) berkembang 5.9 peratus pada 1999 dan diunjurkan berada pada tahap 6.8 peratus tahun ini dan 5.2 peratus (2001).

Keadaan itu katanya, boleh disifatkan sebagai 'ledakan ekonomi' dan antara faktor penyumbangannya ialah kadar tukaran asing yang rendah bagi ringgit menambah daya saing eksport yang membolehkan kerajaan serta sektor swasta membayar hutang korporat.

Menurut Marozzi, falsafah pendekatan dasar pemulihan yang dilaksanakan oleh Dr Mahathir juga adalah mudah iaitu dagangan terbuka dan liberalisasi hanya boleh menjadi adil dan saksama jika dibuat dalam persekitaran yang benar-benar seimbang.

"Ini bermakna, negara membangun perlu diberi perlindungan tertentu untuk menahan impak kesan aliran modal yang sukar dijangka. Bagaimanapun, yang menjadi masalah ialah banyak pihak di dunia ini yang tidak mahu melihat kebenaran di sebalik kelantangan beliau," katanya.

Dalam artikel itu, Marozzi juga mendedahkan bahawa kebanyakan pihak sebenarnya bersetuju dengan pendirian tegas Dr Mahathir bahawa dunia kini memerlukan satu tata cara kewangan baru bagi membendung kelemahan sedia ada serta menyemai benih ketelusan dalam sistem kewangan negara membangun.

Bagaimanapun, beliau mendedahkan antara masalah utama yang dihadapi oleh Dr Mahathir ialah beliau sering mempakej pendapatnya sehingga sering menyebabkan pihak yang menyokongnya berada dalam keadaan serba-salah untuk

mengakui kebenaran pendiriannya.

Di sebalik semua itu, Marozzi menyatakan kejayaan Dr Mahathir memulihkan ekonomi Malaysia tanpa bantuan IMF secara langsung menyebabkan badan institusi kini berada di bawah mikroskop dunia yang mula sedar mengenai kelemahannya.

Bagaimanapun katanya, dengan Kesatuan Eropah (EU) dan Amerika Syarikat terus menjadi pemegang saham terbesar IMF dan memiliki hampir 50 peratus kuasa mengundi, badan dunia itu dijangka terus kekal untuk sentiasa memelihara kepentingan mereka.

Menurutnya, mungkin bagi badan dunia itu yang kini teruk dibidas dan disanggah, ia lebih rela teruk dikritik daripada mendengar atau bersetuju dengan pendapat seorang pemimpin yang mereka dianggap `kecil' seperti Dr Mahathir.

(END)